

Headline	PBT diminta buang iklan umrah, badal haji meragukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 18,132
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,395



# PBT diminta buang iklan umrah, badal haji meragukan

» Langkah jangka pendek banteras kegiatan pihak tidak berdaftar

Oleh Syed Azwan Syed Ali

syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) meminta kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) menurunkan semua iklan umrah dan badal haji yang meragukan, bagi mengekang penipuan membabitkan ibadat umat Islam itu.

Tindakan itu diambil Bahagian Pelesenan Pelancongan sebagai langkah jangka pendek bagi mengekang kegiatan pihak tertentu yang tidak berdaftar dengan kementerian, tetapi mengiklankan khidmat umrah dan badal (upah) haji.

Iklan umrah atau badal haji yang akan diturunkan itu, termasuk iklan yang digantung di surau dan masjid yang tidak memaparkan nombor pelesenan syarikat, selain bersifat meragukan seperti menawarkan khidmat upah haji pada kadar yang tidak munasabah.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata beliau akan menulis surat kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, bagi mendapatkan kerjasama semua PBT di seluruh negara bagi tujuan penguatkuasaan

itu.

Beliau berkata, kementerian berkenaan menerusi semua PBT mempunyai peruntukan undang-undang membabitkan pengiklanan palsu atau mengelirukan orang ramai.

“Bahagian Pelesenan Pelancongan yang mempengerusikan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) akan meneliti peruntukan undang-undang sedia ada, termasuk berbincang dengan Tabung Haji dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi mencari penyelesaian.

## Turun iklan tak pamer nombor lesen

“Untuk kes ini (badal haji), kita perlu menjalinkan kerjasama dengan PBT supaya dapat pantau dan ambil tindakan. Cadangan menurunkan kain rentang atau iklan tidak memamerkan nombor lesen perlu dilakukan sebab mengelirukan mereka yang berhajat menunaikan umrah (dan badal haji).

“Saya minta pihak pelesenan lihat ini sebagai perkara yang perlukan tindakan segera. Kita anggap perkara ini amat serius dan meminta kerjasama kementerian berkaitan,” katanya kepada pemberita sebelum sesi taklimat khas dan dialog dengan 500 wakil pengendali umrah di Pusat Da-

gangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Yang turut hadir pada dialog itu, termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) MOTAG, Datuk Rashidi Hasbullah; Setiausaha Bahagian Pelesenan Pelancongan, Nor Yahati Awang; Pengerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Reihana Abd Razak; Presiden Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Datuk Syed Mohd Razif Syed Yassin; Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa JAWHAR, Mohd Bakri Ibrahim; wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan wakil Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA).

BH sejak 22 Februari lalu, mendedahkan wujudnya keraguan dan ruang penipuan dalam penawaran khidmat upah haji serendah RM1,500 selepas menjalankan siasatan dalam negara dan di Makkah dengan menemui pelaksana badal haji terdiri daripada penduduk Makkah dan pelajar Malaysia.

## Persatuan pelajar nafi ahli terbabit

Wakil persatuan pelajar di Makkah dan Madinah menafikan ada ahlinya yang mengambil upah serendah RM1,500 kerana ia tidak men-

cukupi bagi menampung kos pengangkutan, makan minum, sewa khemah di Mina, kos tasrih/lesen dan kos berkaitan lain.

Mereka juga menggesa semua pihak berhenti daripada menjaja kononnya pelajar Malaysia sanggup melaksanakan upah haji serendah itu. Siasatan BH mendapati sijil badal haji yang selama ini menjadi bukti pelaksanaan ibadat itu boleh dibeli pada harga 3 riyal Arab Saudi (RM3.40) sekeping.

Mengulas lanjut mengenai penipuan umrah, Mas Ermieyati berkata, pihaknya memandang serius perkara itu kerana statistik terkini menunjukkan 15 aduan sudah diterima pada tahun ini dengan 198 kes berkaitan dicatatkan sejak 2012 hingga Februari lalu.

Katanya, sebanyak 54 kes penipuan pakej umrah direkodkan MOTAC dari 2012 hingga Februari lalu dengan nilai denda dan kompaun mencecah RM237,000.

“Penipuan umrah dan pelanggaran Akta Industri Pelancongan 1992 masih berleluasa. Kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang melanggar akta ini. Setakat ini, lesen 12 syarikat umrah ditarik balik kerana pelbagai kesalahan,” katanya.

Headline	PBT diminta buang iklan umrah, badal haji meragukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 18,132
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,395



Mas Ermeyati pada **taklimat khas dan dialog dengan 500 pengendali umrah dan haji** di PWTC, semalam.